

# Tinta Alumni

## CORETAN MUHAMMAD MUAZ BIN MAHMUD

Oleh  
MUHAMMAD MUAZ BIN MAHMUD

Spectrum Laboratories Sdn Bhd, Jalan  
Pendamar 27/90, Taman Bunga Negara,  
40400 Shah Alam, Selangor

[muhhammadmuazmahmud13@gmail.com](mailto:muhhammadmuazmahmud13@gmail.com)

Editor: Nursyazni Abdul Rahim

*Assalamualaikum, salam  
sejahtera dan salam UiTM  
dihatiku....*

Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada warga kerja penerbitan majalah ini, yang telah sudi mengizinkan saya mengisi beberapa helai muka surat dalam majalah EON, untuk berkongsi pengalaman suka dan duka saya sepanjang menuntut di Institusi ini. Sesungguhnya, sukar untuk saya lupakan pengalaman yang telah dilalui disini.

*Saya Muhammad Muaz Bin Mahmud, merupakan alumni Diploma Mikrobiologi. Memulakan perjalanan hidup sebagai mahasiswa UiTM pada tahun 2015 dan tamat pengajian pada tahun 2018.*

Seterusnya, saya melanjutkan pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda di UiTM Kampus Shah Alam melalui system penerapan UiTM dalam bidang Kimia (Analisis Forensik).

\*\*\*

Saya merupakan Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Komander Kesatria (JPKK) UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS), Kampus Kuala Pilah dahulu. Sepanjang saya dan rakan-rakan memimpin Badan Beruniform ini, banyak kejayaan yang telah kami capai. Antaranya, kami telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Pemimpin Badan Beruniform Anugerah Tokoh Siswa 2016 yang mana ia adalah julung kalinya dimenangi oleh Komander Kesatria UiTMCNS Kampus Kuala Pilah. Seterusnya, kami telah berjaya merangkul pingat emas untuk acara Tempur Tanpa Senjata dan tempat ketiga keseluruhan acara Komander Kesatria Endurance Challenge (KKEC), yang disertai oleh Komander Kesatria UiTM seluruh Malaysia.



Gambar 1. Muaz dalam Uniform Komander Kesatria UiTM (atas) dan Pasukan Tempur Tanpa Senjata meraih pingat emas dalam acara KKEC UiTM Melaka (bawah)


Pada awal permulaan saya melangkah masuk ke UiTM Kampus Kuala Pilah, saya amat terpegun dengan persekitaran kampus ini yang amat menenangkan kerana dikelilingi hutan tebal yang pepohonnya hijau merimbun. Pada waktu subuh, kawasan kampus akan dikelilingi kabus tebal dan suasana pagi dan malam di kampus ini sejuk seolah-olah berada di Cameron Highlands. Demikian itu, kampus ini sering diberi jolokan namanya Kampus Beting Highlands, kerana suasananya yang sejuk berkabus di waktu pagi dan juga malam. Pada malam hari pula, suasana kampus meriah dengan aktiviti pelajar seperti program anjuran persatuan dan kelab yang kebiasaannya diadakan di sekitar kawasan kolej kediaman pelajar. Ada juga aktiviti sukan di pusat sukan dan rekreasi. Antara sukan yang dimainkan oleh pelajar ialah, bola tampar, sepak takraw, futsal, ragbi dan *petanque*. Selain itu, pelajar juga boleh makan malam diluar kampus bersama rakan-rakan. Antara tempat yang sering dikunjungi pelajar ketika itu ialah gerai sup bawah jambatan, Restoran Tasneem, Giant Pilah dan Green Cafe yang terletak dihadapan bangunan Fakulti Sains Gunaan.

Saya amat aktif dalam melakukan aktiviti luar kelas ketika menuntut di sini. Antaranya seperti program khidmat masyarakat bantuan pasca banjir penduduk Gemas, Negeri Sembilan. Program tersebut dijayakan oleh seluruh warga UiTMCNS Kampus Kuala Pilah dan dikemudi oleh Unit Kokurikulum dengan kerjasama JPKK UiTMCNS Kampus Kuala Pilah. Selain itu, Program Pertandingan Kawad Kaki Peringkat UiTMCNS Kampus Kuala Pilah yang disertai oleh tiga kursus kokurikulum iaitu Kesatria Negara, Kesatria Kembara dan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) UiTM.

Program yang saya tidak dapat lupakan ialah, program Young International Innovation Exhibition (YIIX) yang dianjurkan pada tahun 2017, yang diketuai oleh Majlis Perwakilan Pelajar. Program tersebut, merupakan platform bagi para remaja dan belia dari sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi mempersembahkan hasil inovasi mereka. Antaranya ialah kertas yang diperbuat daripada hampas nanas, sabun sarang burung dan banyak lagi.

Sahabat saya, Mohd Hail Haris yang pada ketika itu selaku Yang Dipertua MPP menjadi pengarah program tersebut telah mengajak saya menjadi ahli jawatankuasa, iaitu sebagai *Floor Manager*. Betapa terujanya saya kerana berpeluang menjadi sebahagian daripada program berperingkat antarabangsa yang berprestij itu!

Semestinya disebalik keterujaan, turut bertapak sama adalah cabaran yang merintang. Tetapi kami tidak mudah berkeluh-kesah, walau apa pun dugaan yang mendatang, kami tetap galas tanggungjawab yang diberi dengan penuh komited dengan niat mahu terus menjayakan program YIIX. Alhamdulillah, penganjuran program ini telah mendapat pujian daripada pelbagai pihak termasuklah Jawatankuasa Eksekutif Negeri UiTM Negeri Sembilan.



Gambar 2. Bersama beberapa Ahli Jawatankuasa Pengelola YIIX 2017 di Dewan Biduanda UiTM Kampus Rembau

Mahasiswa yang baru mendaftar sebagai pelajar UiTM adalah diwajibkan untuk mengikuti kursus kokurikulum bagi memenuhi jam kredit subjek universiti iaitu Kesatria Negara. Saya telah membuat keputusan untuk mengikuti kursus Kesatria Negara dari Semester 1 hingga Semester 2. Bagi pelajar yang mengikuti kursus ini sehingga Semester 2, terdapat aktiviti perkhemahan yang biasanya dilakukan di tapak perkhemahan di daerah Senaling, Negeri Sembilan. Saya telah diberi kepercayaan untuk mengendalikan perkhemahan tersebut bersama rakan-rakan yang lain. Banyak aktiviti yang telah kami lakukan antaranya sesi suai kenal bersama rakan-rakan, *solo night*, dan *jungle trekking* pada keesokan harinya. Rupa-rupanya banyak *hidden gems* yang tersimpan di Negeri Sembilan.

*“Hutan di Negeri Sembilan ini ibarat tak tersudu dek itik, tak termakan dek ayam.” - Muaz Mahmud*

Banyak lagi program yang saya dan rakan-rakan berpengalaman mengendalikan. Namun, program yang saya akan ingat sampai bila-bila ialah **Family Day Microbiology**, anjuran Persatuan Mikrobiologi UiTM CNS Kampus Kuala Pilah. Daripada program ini saya dan rakan-rakan kelas saya dari AS114B2 telah mencipta memori indah bersama. Aktiviti yang diadakan memerlukan kami untuk bekerjasama dalam menjadikan ukhwah antara kami lebih utuh. Kenangan manis bersama mereka akan terus mekar dalam ingatan saya. Mana mungkin saya bisa melupakan segala ragam dan karenah mereka! Mereka adalah penghibur dikala duka, dan peneman setia disepanjang perjuangan saya menuntut ilmu di sini. Pesan saya buat adik-adik yang masih belajar, hargailah rakan-rakan anda selagi mereka masih ada. Raikan hari-hari bahagia mereka dan jadilah penghibur mereka dikala kegalauan menghantui diri. Pasti dan mesti, kenangan ini akan terus terpahat dalam memori....



Gambar 3. Merakam kenangan bersama rakan-rakan kursus Kesatria Negara Tahap 2 sewaktu menyertai aktiviti Tempur Tanpa Senjata

Alhamdulillah, kini saya telah melangkah ke fasa baru dalam kehidupan saya apabila telah diterima berkhidmat sebagai *Junior Chemist* disebuah makmal pengauditan alam sekitar iaitu Spectrum Laboratories Sdn Bhd, setelah menamatkan pengajian di UiTM Shah Alam.

Bagi kursus Sarjana Muda Kimia Analisis Forensik ini, banyak bidang pekerjaan yang boleh diceburi antaranya ialah Pegawai Forensik PDRM, Pegawai Penyiasatan Kebakaran Bomba, Ahli Kimia industri penghasilan produk kimia (*aerosol spray, polymer* dan *cat*), Penyelaras kerugian dan Pegawai Keselamatan / *Safety Officer* (bagi menjalankan Penaksiran Bahan Kimia Kepada Kesihatan (CHRA)).

*“Saya telah menjalani sesi Latihan Industri di Bahagian Penyiasatan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor sebelum menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda selama tempoh 4 bulan. Banyak pengalaman yang saya dapat sepanjang menjalani latihan industri di sana. Antaranya, saya berpeluang menyaksikan sendiri bagaimana Pegawai Penyiasat memproses tempat kejadian untuk kes sebenar!”*

Kami juga mempelajari teknik penyiasatan kebakaran yang disebabkan oleh kerosakan perkakasan elektrik. Selain itu, saya juga berpeluang mempelajari teknik analisis bahan bukti untuk kes sebenar di Makmal Penyiasatan Forensik JBPM Johor.

Gambar 4. Muaz bersama seorang rakan ketika sedang memproses tempat kejadian semasa menjalani latihan industri di JBPM Johor



Gambar 5 (kiri). Berpengalaman menggunakan GCMS bagi menganalisis sisa kebakaran yang ditemui di tempat kejadian bagi mengesan kewujudan bahan penggalak api



Gambar 6. Bersama dengan salah seorang jurulatih sepanjang latihan industri di JBPM Negeri Johor

Akhir kata, bagi saya, selain kecemerlangan akademik, aktiviti kokurikulum amatlah penting bagi para pelajar. Ianya penting untuk mengenali potensi diri dan menambah pengalaman dalam mempersiapkan diri sebelum menceburi dunia pekerjaan dikemudian hari. Saya sendiri telah menyaksikan sendiri, kepentingan seseorang pelajar atau individu itu memiliki jati diri yang teguh untuk bertahan dalam cabaran kerja masa kini. Selain itu, aktiviti luar kelas mendidik seseorang menjadi lebih berdisiplin. Ini kerana ketika berada di mana-mana bidang pekerjaan nanti, pekerja yang berdisiplin mudah untuk mendapat kepercayaan daripada majikan atau rakan-rakan ditempat kerja.

Individu yang berdisiplin biasanya, amanah, telus dan berdedikasi dalam menjalankan apa-apa tugas. Oleh yang demikian, penting untuk para pelajar menceburi aktiviti luar kelas yang dianjurkan oleh Universiti bagi meningkatkan potensi diri dan kemahiran insaniah seterusnya memupuk diri menjadi individu yang berdisiplin supaya dapat bertahan fizikal dan mental, dalam mendepani apa jua cabaran hidup yang mendatang.

*Muhammad Muaz Bin Mahmud*  
ALUMNI UITM KAMPUS KUALA PILAH 2015-2018